

# Jangan benarkan lagi syarikat luar ambil alih KTMB

04 JUL 2003

KUALA LUMPUR 13 Julai  
— Kesatuan Pekerja-Pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad (KPPKTMB) menggesa kerajaan agar tidak membenarkan lagi sebarang pengambilan alihan pentadbiran syarikat itu kepada syarikat luar kerana ia terbukti merugikan.

Presidennya, Abdul Razak Md. Hassan berkata, gesaan itu dibuat memandangkan KPPKTMB difahamkan bahawa syarikat Gamuda Sdn. Bhd. dan Malaysia Mining Corporation Bhd. (MMC) telah melahirkan kesanggupan untuk mengambil alih pentadbiran KTMB.

“Sejauh mana benar dakwaan mengenai kesanggupan dua syarikat ini mengambil alih KTMB adalah sukar ditentukan tetapi sumber-sumber terdekat kami memberitahu bahawa dokumen cadangan mengenainya telah pun dihantar kepada pihak Unit Perancangan Ekonomi (EPU),” katanya dalam sidang akhbar, di sini hari ini.

Menurut Abdul Razak, sekiranya dakwaan itu benar, maka KPPKTMB memmta agar kerajaan melihat semula kegagalan penswastan terhadap pentadbiran KTMB yang telah dikendalikan oleh Renong Berhad pada tahun 1997 hingga tahun 2001.

Dalam tahun 1997, katanya, syarikat Renong Berhad dan beberapa syarikat lain iaitu DRB-Hicom, Bolton dan Jasa Meta telah mengambil alih syarikat KTMB yang diletakkan di bawah kawal selia ‘Konsortium Marak Unggul’.

Kerajaan juga, kata beliau, telah membentuk Jawatankuasa Penstrukturan Semula KTMB dan ia telah berjalan selama lima bulan.

“Bagaimanapun, kita merasa kecewa sekiranya benar Gamuda dan MMC ingin mengambil alih pentadbiran KTMB pula,” katanya.

Sekurang-kurangnya, kata Abdul Razak, kerajaan perlu memberi peluang kepada KTMB untuk meneruskan proses mengemaskini urusan pentadbiran melalui penstrukturan semula.

Abdul Razak menambah, sekiranya mahu menyelamatkan KTMB, kerajaan perlu mengambil alih semula dan bukannya menyerahkan kepada syarikat-syarikat luar yang tiada pengalaman dalam bidang pengangkutan awam itu.

Menurut beliau, pihaknya akan menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad esok dan kesatuan itu juga bersetuju untuk menemui Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis bagi mendapatkan penjelasan mengenai perkara itu.